

Soalan Lazim (FAQ) – Diskaun Ihsan (Goodwill Discount) bagi Penyelesaian Awal Perjanjian Sewa Beli Sedia Ada

No.	Soalan	Jawapan
1	Apakah Diskaun Ihsan (goodwill discount)?	<p>Diskaun Ihsan diperkenalkan di bawah Akta Sewa Beli (Pindaan) 2025 (HPAA) bagi memastikan keadilan kepada pelanggan yang telah memasuki perjanjian sewa beli berkadar tetap dan/atau yang menggunakan kaedah Peraturan 78 sebelum HPAA berkuat kuasa atau dalam tempoh kelonggaran (grace period) yang ditetapkan (“Diskaun Ihsan”).</p> <p>Diskaun Ihsan akan dikira berdasarkan ciri-ciri perjanjian sewa beli sedia ada (seperti masa penyelesaian awal dan struktur kadar) dan akan digunakan ke atas baki bersih tertunggak. Tujuannya adalah untuk menawarkan layanan penyelesaian awal yang secara amnya setara dengan pendekatan di bawah HPAA.</p>
2	Apakah kaedah Peraturan 78?	<p>Kaedah Peraturan 78 di bawah Akta Sewa Beli 1967 merujuk kepada kaedah pengiraan keuntungan di mana keuntungan diagihkan secara tidak seimbang pada bulan-bulan awal jadual pembayaran. Ini bermaksud pelanggan membayar lebih banyak keuntungan pada peringkat awal dan menerima rebat yang lebih kecil sekiranya membuat penyelesaian awal.</p>
3	Bilakah tarikh kuat kuasa Diskaun Ihsan?	<p>Diskaun Ihsan berkuat kuasa pada 1 Jun 2026, selepas tarikh kuat kuasa HPAA.</p>
4	Siapakah yang layak menerima Diskaun Ihsan?	<p>Pelanggan (individu, perusahaan mikro atau kecil) layak sekiranya memenuhi semua kriteria berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Mempunyai pembiayaan KFH Automobile Ijarah-i berkadar tetap yang dikira menggunakan kaedah Peraturan 78, yang sama ada: <ol style="list-style-type: none"> i. ditandatangani sebelum HPAA berkuat kuasa; atau ii. ditandatangani dalam tempoh kelonggaran 18 bulan selepas HPAA berkuat kuasa. b. Membuat penyelesaian awal sebelum tarikh matang akaun. c. Mempunyai rekod pembayaran yang baik (iaitu akaun tidak tertunggak melebihi 90 hari pada masa penyelesaian awal).
5	Siapakah yang TIDAK layak menerima Diskaun Ihsan?	<p>Pelanggan TIDAK layak sekiranya akaun KFH Automobile Ijarah-i mereka adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Akaun tertunggak melebihi 90 hari; b. Akaun yang sedang melalui prosiding undang-undang atau telah dikeluarkan perintah penarikan semula kenderaan; dan c. Akaun di bawah pelan Penstrukturan & Penjadualan Semula (R&R) sedia ada atau yang menyertai program pengurusan hutang.

6	Adakah saya perlu menjelaskan tunggakan sebelum memohon penyelesaian awal?	Ya. Pelanggan yang mempunyai tunggakan perlu menjelaskan sepenuhnya semua tunggakan sebelum Diskaun Ihsan boleh digunakan ke atas penyelesaian awal. Hanya akaun yang berada dalam keadaan baik layak menerima diskaun ini.
7	Jika akaun saya sebelum ini tertunggak lebih 90 hari tetapi kini telah dikemas kini, adakah saya layak?	Ya. Pelanggan yang telah mengemaskinikan sepenuhnya akaun mereka dianggap mempunyai rekod pembayaran yang baik dan layak menerima Diskaun Ihsan.
8	Adakah saya layak menerima Diskaun Ihsan jika saya menyelesaikan pembiayaan sewa beli sebelum tarikh kuat kuasa HPAA?	Tidak. Diskaun Ihsan hanya berkuat kuasa mulai tarikh kuat kuasa HPAA. Pelanggan yang membuat penyelesaian sebelum tarikh tersebut tidak layak menerima Diskaun Ihsan.
9	Bagaimana jika saya memilih untuk meneruskan pembayaran seperti yang dipersetujui dalam perjanjian pembiayaan sewa beli saya?	Pelanggan yang ingin meneruskan pembayaran mengikut jadual yang dipersetujui sehingga tamat tempoh pembiayaan tidak akan terjejas oleh perubahan ini. Oleh itu, pelanggan boleh terus membayar ansuran seperti yang dipersetujui asal tanpa perlu mengambil sebarang tindakan.
10	Adakah jumlah Diskaun Ihsan adalah sama bagi setiap pelanggan?	Tidak. Jumlah diskaun berbeza bergantung kepada amaun pembiayaan, tempoh pembiayaan dan baki tempoh yang tinggal.
11	Bagaimana jika saya memilih untuk meneruskan pembayaran seperti dalam perjanjian pembiayaan sewa beli saya?	Pelanggan yang meneruskan pembayaran mengikut jadual asal sehingga tamat tempoh pembiayaan tidak akan terjejas dan tidak perlu mengambil sebarang tindakan lanjut.
12	Bagaimanakah Diskaun Ihsan digunakan bagi akaun yang sebelum ini berada di bawah moratorium?	Diskaun akan dikira berdasarkan tempoh asal dan masa penyelesaian, seolah-olah moratorium tidak berlaku.
13	Bagaimanakah saya boleh mengetahui jumlah tepat Diskaun Ihsan?	Jumlah tepat Diskaun Ihsan akan dimaklumkan dalam surat penyelesaian selepas penyelesaian dibuat.
14	Adakah saya perlu menjelaskan keseluruhan baki tertunggak dan menutup akaun pembiayaan sewa beli terlebih dahulu?	Ya. Bank akan memulangkan Diskaun Ihsan: a. Dalam tempoh 10 hari bekerja (jika anda mempunyai akaun Simpanan / Semasa KFH dengan Bank); atau b. Dalam tempoh 20 hari bekerja (jika anda tidak mempunyai akaun Simpanan / Semasa KFH dengan Bank).
15	Adakah Diskaun Ihsan mempunyai tarikh luput?	Tiada tarikh luput yang ditetapkan.
16	Apakah yang perlu dilakukan oleh pelanggan untuk mendapatkan bantuan?	Pelanggan boleh mengunjungi atau menghubungi: a. Cawangan terdekat; atau b. Pusat Perhubungan di 1 300 888 534.